

01 JAN 2001

Demonstrasi (Analisis Berita)

DEMONSTRASI GANAS BAWA KEADAAN ANARKI

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- Sejak 1998, Malaysia digemparkan dengan satu budaya yang sebelum ini tidak pernah berlaku di negara ini iaitu demonstrasi jalanan secara ganas dengan memukul anggota polis dan membakar harta persendirian, awam dan kerajaan, termasuk motosikal polis.

Budaya ganas sedemikian yang telah menjejaskan imej negara di mata dunia serta telah sedikit sebanyak menjejaskan industri pelancongan, disaksikan sendiri oleh rakyat Malaysia melalui kaca televisyen.

Mereka melihat bagaimana anggota polis berlumuran darah di kepala kerana terkena batu yang dibaling oleh pihak yang berdemonstrasi, bagaimana seorang anggota polis terpaksa melepaskan satu das tembakan ke udara untuk melindungi dirinya daripada dipukul dan bagaimana sebuah kereta milik sebuah stesen televisyen tempatan hampir dirosakkan.

Yang terbaru ialah semasa pilihan raya kecil Lunas pada 29 Nov lepas apabila puluhan anggota dan penyokong parti-parti pembangkang dilaporkan menghalang lebih sedozen bas yang membawa penyokong Barisan Nasional (BN) daripada memasuki Lunas.

Penganalisis berpendapat bahawa jika budaya ganas memukul polis dan bertindak sewenang-wenangnya ini tidak dibendung dengan cepat, pasukan polis tidak akan dihormati lagi.

Apabila orang yang ditugaskan untuk menguatkuasakan undang-undang sudah tidak dihormati, negara akan menghadapi keadaan anarki dengan huru hara akan berlaku, kata mereka.

Pendapat ini disokong oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika ditanya selepas satu temuramah dengan Bernama Selasa lepas.

Kata Dr Mahathir: "Ini adalah sesuatu yang amat bahaya kalau rakyat sudah berpendapat mereka boleh bertindak sewenang-wenangnya, buat apa sahaja, dan tidak ada apa-apa balasan (tindakan polis), maka mereka akan menjadi lebih ganas. Ini yang kita khuatir."

Beliau berkata ia menjadi budaya pembangkang, khususnya PAS yang daripada mula lagi menggunakan kekerasan bagi mencapai matlamat mereka.

Katanya PAS cuba menakut-nakutkan orang dengan membuat dakwaan kononnya sesiapa yang tidak mengundi PAS akan menjadi kafir dan akan pergi ke neraka.

"Itu cara PAS dan kita tahu semua ini, saya tak kata sesuatu kerana saya dari Umno," kata Presiden Umno itu.

Beliau berkata sikap Umno dan PAS adalah berbeza. "Sikap Umno ialah kalau kita buat macam itu, akan jadi gaduh, jadi lebih baiklah kita tak buat apa-apa.

"Umno punya budaya lebih kepada beralah, tak hendak kepada pertempuran, kita tak adalah hendak pergi melawan dengan orang walaupun pada satu masa ada pasukan tahan lasak. itu Umno sendiri kutuk, kita tak boleh ada macam itu," kata Dr Mahathir.

Tapi lain pula dengan PAS yang suka mengugut dan menjerit.

"Ini adalah sesuatu yang Umno tidak tahu bagaimana menanganinya," katanya.

Dengan itu, kata Dr Mahathir, budaya ganas semakin meluap dan PAS berpendapat bahawa kalau bilangan mereka begitu besar, polis tidak boleh berbuat apa-apa.

Perdana Menteri berkata polis telah beberapa kali menangkap orang yang berdemonstrasi secara haram tetapi terpaksa dilepaskan kerana masing-masing memberi alasan bahawa mereka secara kebetulan berada di situ dan bukan

terlibat dalam demonstrasi.

"Dengan itu mereka semakin melampau. Mereka berpendapat kalau bilangan mereka ramai, tidak ada kuasa yang boleh menghalang mereka, mereka boleh buat apa sahaja termasuk pukul polis pun, mereka biasa pukul polis, bakar motosikal polis, tetapi tidak apa satu pun yang berlaku kepada mereka," kata beliau.

Apakah Umno tidak bertindak seperti PAS kerana ia menjadi sebahagian daripada kerajaan?

"Saya tak fikir Umno akan bertindak sedemikian kerana Umno selalu bersikap toleran," kata Dr Mahathir.

Katanya Umno tidak mahu menimbulkan kekacauan dan "bahawasanya kita berada dalam kerajaan juga menjadi penghalang kerana kerajaan memberi arahan kepada Umno jangan buat tunjuk perasaan dan kita patuh kerana ini kerajaan kita.

"Kalau kita tak patuh, siapa hendak patuh," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata sebaliknya, parti lawan tidak menghiraukan sama sekali kerana mereka akan kata "hendak tangkap, tangkaplah, apa (yang) boleh buat kepada kami, nak bubuh (masukkan) dalam jail (penjara), kami sanggup masuk dalam jail.

"Rakyat pula akan memberontak, marah kepada kerajaan kerana tidak adil dan sebagainya. Ini pemikiran yang ada kepada mereka (pembangkang) dan ini amat bahaya," kata Dr Mahathir.

Apakah Malaysia akan bebas daripada budaya ganas ini pada tahun 2001 yang bermula hari ini? Ia sepatutnya menjadi azam dan harapan semua rakyat Malaysia yang cintakan keamanan dan keharmonian kaum yang dinikmati selama ini.

-- BERNAMA

ES ES RON